

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KONTRAK NO. MADA(IP)01/2019

NOTIS TENDER

1. Tawaran daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan di bawah kod bidang **070101** akan diterima di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada **23 Januari 2019**.

NO. KONTRAK	TAJUK	LAWATAN TAPAK	KOD BIDANG
MADA(IP) 01/2019	Membekal, Menghantar Bahan-Bahan Kapur <i>Ground Magnesium Limestone</i> (GML) Dan Menjalankan Operasi Pengapuran Bahan-Bahan Kapur <i>Ground Magnesium Limestone</i> (GML) Ke Pertubuhan Peladang Kawasan Di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda Kedah Dan Perlis	Tiada Keperluan Lawatan Tapak	070101

Semua butiran lanjut dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**, mulai **1 Januari 2019** sehingga **22 Januari 2019** pada waktu dan hari bekerja.

2. Syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki:-
 - i. Membawa bersama Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pemeriksaan dan pengesahan serta sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut untuk tujuan rekod dan fail. Bagi Syarikat yang bertaraf Bumiputera, sila bawa bersama surat akuan asal Kementerian Kewangan Malaysia dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan Dokumen Tawaran.
 - ii. Membeli Dokumen Tawaran dengan harga **RM 50.00** setiap naskah.
3. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang/Wang Pos/Deraf Bank** atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA** atau secara **Wang Tunai**. Bayaran dengan cek persendirian/syarikat tidak akan diterima. **Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan.**
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.